

## **Intelektual Awam di Malaysia: Pemikiran dan Sumbangan Rustam A. Sani (1944-2008)**

*Public Intellectuals in Malaysia: Thoughts and Contributions of Rustam A. Sani (1944-2008)*

**Norazlan Hadi Yaacob<sup>1</sup>, Rohana Shahidan<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> *Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.*

*Email: norazlan@fsk.upsi.edu.my*

### **Abstrak**

Intelektual memainkan peranan yang penting dalam pembinaan persekitaran politik yang sihat. Salah seorang intelektual awam yang berpengaruh di Malaysia ialah Rustam A. Sani (1944-2008). Beliau merupakan seorang penulis yang aktif membincangkan perihal permasalahan dan cabaran sosio-politik serta situasi pendidikan tempatan. Karya-karyanya telah diterbitkan melalui media cetak dan elektronik. Rustam A Sani pernah bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) sebagai pensyarah dan pernah menjadi zamil kanan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Selain daripada itu beliau juga terlibat dalam Parti Rakyat Malaysia dan Parti Keadilan Nasional. Hasil karya beliau yang telah diterbitkan di buku-buku, majalah, dokumen, keratan akhbar dan jurnal telah dikumpulkan dan dikaji untuk memahami pemikiran beliau yang lebih terarah kepada pembentukan bangsa Malaysia yang merupakan konsep yang tercetus daripada idea Wawasan 2020. Penulisan beliau juga banyak membincangkan kritikan terhadap konsep pembinaan bangsa Malaysiayang merupakan kesinambungan gagasan Wawasan 2020. Kritikan beliau berkaitan persoalan nasionalisme dan sosiobudaya Melayu telah menjadi perdebatan awam. Sebagai seorang intelektual awam, pemikiran beliau mendapat tempat tersendiri dalam masyarakat Malaysia.

**Kata kunci:** intelektual, Rustam A.Sani, politik Malaysia, pemikiran politik.

### **Abstract**

*Intellectuals play an important role in building a healthy political environment. Rustam A. Sani (1944-2008) was one of the influential public intellectuals in Malaysia. He was an active writer who discussed the problems and challenges of socio-politics and the position of local education. His works have been published in print media and electronic media. Rustam A. Sani had worked as a lecturer at the National University of Malaysia (UKM) and University of Malaya (UM). He had been a senior fellow at the Institute of Strategic and International Studies (ISIS). He had also involved in the Malaysian People's Party (Parti Rakyat Malaysia) and The People's Justice Party (Parti Keadilan Nasional). His works published in books, magazines, documents, newspaper clips and journals have been gathered and studied to comprehend his thoughts focused on the formation of Malaysian race concept in line with Vision 2020. His numerous writings critically discussed the advent of the Malaysian race concept as a continuance of Vision 2020. His criticisms on nationalism and Malay socio-cultural systems had attracted public debate. As a public intellectual figure, he has a unique place in the Malaysian society.*

**Keywords:** intellectual, Rustam A.Sani, Malaysian politics, political thoughts

### **Pendahuluan**

Dalam setiap tamadun dunia, terdapat sebilangan orang cerdik pandai yang dikenali sebagai intelektual yang berperanan sebagai pengasas, pembangun mahupun seorang yang mempertahankan ciri-ciri tamadun tersebut. Intelektual adalah orang yang memusatkan diri untuk memikirkan idea atau masalah yang bukan kebendaan dengan menggunakan kemampuan akalunya. Kaum intelektual menunjukkan ciri-ciri sosial mereka yang dapat dijumpai dari segala kelas masyarakat sekalipun dalam keadaan yang berbeza-beza.

Mereka juga dijumpai dalam kalangan pendukung atau penentang pelbagai gerakan kebudayaan atau politik dimana sebahagian daripada golongan intelektual ini merupakan seorang penulis, wartawan, penyair yang tidak hanya tertarik dari segi pengetahuan teknikal dan mekanikal sahaja, tetapi idea-idea tentang agama, seni, semangat patriotik, kebudayaan dan yang sejenisnya juga adalah termasuk dalam pemikiran golongan ini. Berbeza dengan para pakar, kaum intelektual berusaha untuk melihat sesuatu hal dari perspektif yang lebih luas iaitu dalam bentuk menyeluruh. Kelompok intelektual ini juga sentiasa merupakan kelompok minoriti dari masyarakatnya (Syed Hussein Alatas, 1991: 11).

Fungsi utama golongan intelektual ini adalah bertujuan untuk menjelaskan masalah masyarakat dan mereka akan cuba untuk menyuarakan pendapat mengenai penyelesaian masalah tersebut. Golongan intelektual ini akan menyebarkan pendapat tersebut ke seluruh masyarakat. Fungsi ini juga turut berlaku dalam masyarakat zaman tradisional di mana para dukun, bomoh atau pendeta memainkan peranan sebagai intelektual pada zaman tersebut. Dalam zaman moden, intelektual dikaitkan dengan sekelompok elit cerdik pandai dalam suatu masyarakat.

### **Rustam Sani Sebagai Intelektual Awam**

Ali Shariati iaitu seorang intelektual terkenal dari Iran dalam bukunya *Civilisation and Modernisation* telah memulakan makalah dengan persoalan siapakah yang dipanggil sebagai seorang intelektual? Siapa kaum intelektual itu dan apakah peranan serta tanggungjawab mereka? Menurutnya, intelektual haruslah seseorang yang sedar status kemanusiaannya sendiri dan kesedaran itu menyebabkan seorang intelektual itu berasa bertanggungjawab. Dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran yang hadir itu, golongan intelektual ini akan membangkitkan reaksi ilmiah, sosial dan revolusi dari masyarakat ke peringkat umum (Ali Shariati, 1993).

Perkembangan sejarah menunjukkan pelbagai peristiwa penting yang membuktikan bahawa tamadun manusia yang tinggi peradabannya dipengaruhi oleh daya keintelektualan mereka yang tinggi. Golongan manusia yang hanya mempunyai kekuatan fizikal seperti kekuatan tenaga manusia sebenarnya bukanlah menonjolkan sebuah kekuatan hakiki tetapi berpandukan sejarah tamadun manusia, dapat dilihat bahawa sebuah tamadun yang kuat tetapi tidak menerapkan ilmu akan ditakluk oleh nilai dan ciri tamadun lain yang ditaklukinya (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1995: 11).

Budaya intelektual sebenarnya dapat didefinisikan dari pelbagai segi. Budaya atau dikenali sebagai *culture* ialah cara hidup manusia yang merangkumi proses perkembangan sahsiah, akal, semangat dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok. Dari perspektif etimologi pula, perkataan budaya adalah gabungan dari kata 'budi' dan 'daya'. Budi meliputi aspek dalaman manusia seperti akal dan nilai manakala daya pula adalah merupakan aspek lahiriah seperti usaha dan hasil. Sesuatu yang dapat dihasilkan oleh manusia dalam bentuk abstrak iaitu yang tidak dapat dirasai oleh pancaindera rasa seperti pemikiran, yang dicetuskan oleh akal dan budi manusia akan dipanggil budaya (Mustafa Hj Daud, 2004: 85).

Intelektual pula adalah kata nama yang digunakan untuk golongan yang mempunyai kelebihan berbanding masyarakat pada umumnya. Kelebihan yang dimaksudkan adalah lebih cerdas, lebih pintar dan lebih luas wawasannya. Disebabkan kelebihan-kelebihan inilah, mereka diberi kepercayaan untuk menggalas pelbagai tanggungjawab serta memainkan peranan utama dalam merangka perubahan masyarakat serta bangsa. Mohammad Sulaiman Zahlan (2012:53) berpendapat bahawa intelektual ialah seseorang yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan sentiasa berminat mempelajari dan mencari idea-idea baru. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2008:548) pula, intelektual telah didefinisikan sebagai orang, yakni kaum atau golongan terpelajar, cerdik pandai, cendekiawan serta mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir dengan menggunakan akal budi.

Dalam bahasa Inggeris, kata intelektual ini merujuk kepada sejenis peribadi yang tersendiri yang telah mengalami kecerdasan dan kehalusan budi disebabkan pendidikan yang diterimanya. Seseorang itu, mungkin lebih tinggi kedudukan kesarjanaannya dan arif dalam sesuatu bidang, namun sekiranya seseorang itu tidak mempunyai minat dan peka terhadap rangsangan budayanya, maka individu tersebut

tidak wajar dinobatkan sebagai intelektual (Subagio Sastrowardjo, 1971: 73). Golongan intelektual ini sebenarnya merupakan kelompok yang penting dalam setiap masyarakat kerana golongan ini akan memberi penerangan, menyebarkan kebenaran dan penyeru kepada perubahan dan kemajuan kepada sesuatu kelompok masyarakat. Masyarakat yang jumud dan sempit fikirannya hanya akan dapat memecahkan belenggu masalah mereka sekiranya masyarakat tersebut memiliki kelompok intelektual yang berfungsi dan didukung oleh kepimpinan negara yang berwawasan.

Syed Hussein Al-Attas (1991:25) menyatakan bahawa terdapat empat ciri yang boleh menyifatkan intelektual itu sebagai intelektual yang berfungsi. Pertama, golongan ini dapat memerhati dan mengenal pasti permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Kedua, intelektual itu dapat mentakrifkan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat. Ketiga, intelektual itu dapat menganalisis sebab dan musabab sesuatu masalah dan mengapa masalah tersebut berlanjutan dan bertahan. Keempat pula ialah intelektual itu mampu untuk mencari dan menganjurkan jalan keluar kepada permasalahan yang diajukan kepada mereka.

Manakala sasterawan negaraiaitu Usman Awang dalam ucapannya yang bertajuk Peranan Intelektual kepada pelajar-pelajar Malaya dan Singapura di Malaysian Hall, yang dianjurkan oleh London Union of Malaysian Students pada tarikh 25 Mei 1970 telah mendefinisikan intelektual itu sebagai:

‘...Pertama, orang yang punya ilmu pengetahuan dan otak (fikiran) yang sentiasa memperkembangkan ilmu pengetahuannya sesuai dengan perkembangan ilmu yang dari zaman ke zaman semakin bertambah kaya. Jadi ilmunya itu tidak basi dan beku, Kedua, orang yang sentiasa berfikir (pemikir) dan menyumbangkan serta mengembangkan ideanya. Ketiga, orang yang mempergunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisis dan merumuskan segala fikiran dalam kehidupan manusia, terutama masyarakatnya dan alamnya untuk mencari kebenaran dan menegakkan kebenaran itu; dan akhir sekali, orang yang mengenal kebenaran dan berani memperjuangkan kebenaran, orang yang mengenal kebebasan dan berani memperjuangkan kebebasan, meski bagaimanapun tekanan dan ancaman yang dihadapinya, terutama sekali kebenaran, kemajuan dan kebebasan untuk rakyat...’ (Zikri Rahman, 2012)

Menurut Azizan Bahari (2012), golongan intelektual ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis dan kategori, bergantung kepada sikap atau pendirian serta matlamat kerja golongan tersebut. Umumnya terdapat tiga kategori intelektual, iaitu intelektual *establishment*, intelektual oportunist atau lebih dikenali sebagai intelektual ‘atas pagar’ dan yang terakhir iaitu intelektual awam (Azizan Bahari, 2012). Intelektual *establishment* akan menggunakan ilmu pengetahuannya dan daya intelektualnya untuk membantu dan menyokong mana-mana pihak yang kuat, berkuasa dan berpengaruh seperti pemerintah, syarikat besar dan kumpulan elit dalam masyarakat iaitu golongan yang mempunyai *establishment*. Intelektual ‘atas pagar’ pula hanya akan menonjolkan diri dan menyokong sesuatu pihak hanya apabila terjadinya sesuatu keadaan yang sesuai mengikut dirinya ataupun kepentingannya. Berlainan pula dengan intelektual awam, kumpulan ini merupakan golongan yang berjuang dengan keupayaan intelektualnya untuk kepentingan masyarakat yang luas khususnya golongan-golongan yang lemah, terpinggir, tidak mempunyai kuasa, daif dan ditindas (Azizan Bahari, 2012).

Apabila dilihat perbezaan antara jenis-jenis intelektual ini, sebenarnya intelektual *establishment* dan intelektual atas pagar tidak mempunyai perbezaan di mana kedua-duanya menyumbang kepada perubahan masyarakat. Namun, perubahan yang dilaksanakan itu hanyalah perubahan sedikit yang bersifat rapuh yang tidak mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan. Kepentingan-kepentingan golongan *establishment* yang sudah terbentuk dan berkembang dari pentadbiran yang sedia ada ini akan terus dipertahankan oleh mereka (Azizan Bahari, 2012).

Hal ini berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh golongan intelektual awam. Golongan ini akan menggunakan daya intelek dan pengetahuan mereka untuk menyumbangkan idea dan akan meneroka gagasan-gagasan baru yang dipercayai dapat membantu menangani sesuatu isu dan permasalahan dalam masyarakat walaupun berlainan sempadan geografi dan politik negara. Sepertimana

peranan intelektual umum, intelektual awam juga mengkaji, menganalisis, merumus dan berdasarkan penilaian-penilaian tersebut, maka golongan ini akan mengemukakan hujah dan pandangan mereka kepada khalayak dalam pelbagai bentuk dengan menggunakan wadah-wadah yang sesuai dengan penerimaan masyarakat. Berbeza dengan intelektual lain yang selesai dengan karier keintelektualannya, intelektual awam pula cekat memperjuangkan buah fikirannya. Intelektual awam akan mudah peka dengan perkembangan yang berlaku di sekitar masyarakat dan negara serta akan sentiasa berikhtiar untuk mempengaruhi keadaan demi kepentingan masyarakat (Azizan Bahari, 2012).

Rustam A. Sani dilihat merupakan salah seorang intelektual awam yang sangat peka dengan masalah rakyat. Beliau selalu menghujahkan permasalahan-permasalahan rakyat yang dianggap serius dalam wadah-wadah yang telah disediakan kepada beliau seperti kolum surat khabar, artikel-artikel dan buku-buku yang dihasilkan oleh beliau sendiri. Walaupun isu yang diutarakan oleh beliau tidak menyenangkan pihak yang terlibat, namun, beliau tetap membahaskannya hingga ke pengetahuan umum supaya masyarakat sedar akan bahaya isu yang dibawa olehnya itu. Pemikiran beliau yang kritis dalam membincangkan isu-isu yang diutarakan khususnya Melayu Baru dan pembentukan bangsa Malaysia adalah amat menarik untuk dikaji.

Bukanlah merupakan sesuatu yang luar biasa sekiranya pemikiran Rustam A. Sani terhasil oleh persekitaran hidupnya sebagaimana yang terjadi kepada kebanyakan tokoh-tokoh besar dunia. Ini adalah kerana bentuk pemikiran tidak terjadi begitu sahaja, tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai-nilai yang ditanam sepanjang perjalanan hidupnya (Ismail Yusof, 2009: 43). Mengikuti George Herbert Mead dalam teori, "The I and the Me", terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemikiran seseorang iaitu seperti latar belakang keluarga, agama, pendidikan, rakan sebaya (peer groups), media massa dan "guru-guru" rasmi dan tidak rasmi. Ini kerana, "each of which promotes its own values and behavioral pattern." Ahli falsafah sosiologis ini percaya bahawa perkembangan pemikiran seseorang ada kaitan langsung dengan pengalamannya dalam masyarakat. Tegasnya, proses masyarakatlah yang membentuk pemikirannya. Hal yang sama juga dikemukakan oleh A.L Kroeber (Ismail Yusof, 2009: 45).

Sebenarnya pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun beratus tahun sebelumnya. Ibn Khaldun dengan tegas menyatakan bahawa pertumbuhan pemikiran seseorang tidak ada kaitan dengan kecerdasan otak seseorang (*the original constitution of mind*), tetapi sebaliknya adalah disebabkan oleh pengaruh budaya dan persekitaran sosial.

*"All men, Western and Eastern, are almost the same in their mental potential; the difference arises only as a result of differing cultural and social development. Mind is largely a product of the social environment; that is, knowledge increases or decreases only because of the contacts and experience the person receives from his surrounding. Some nomads are originally more intelligent than many of the civilized men; but it is civilization and its concomitants, for example, crafts, that make civilized men appear more sophisticated than nomads."* (Fuad Basli and Ali Wardi, 1981: 27)

Walau bagaimanapun, pengaruh keluarga adalah merupakan tapak untuk membentuk pemikiran seseorang. Hal ini kerana keluarga merupakan kumpulan pertama sekali yang akan dikenali oleh setiap individu yang lahir di dunia. Dalam kaitan dengan pernyataan di atas ini, dapat dilihat kaitan dimana Rustam A. Sani telah dibesarkan dengan suasana persekitaran keluarganya iaitu bapanya iaitu Ahmad Boestaman yang juga merupakan tokoh nasionalis kebangsaan yang terkenal pada waktu tersebut dalam menuntut kemerdekaan. Selain faktor keluarga, faktor persekitaran iaitu memuncaknya semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman tersebut telah mempengaruhi pemikiran Rustam A. Sani dalam menuliskan pemikiran beliau dalam setiap buku dan artikel yang ditulis oleh beliau.

## **Pendidikan, Kerjaya Dan Sumbangan Intelektual**

Rustam A. Sani telah dilahirkan pada 11 Ogos 1944 di Ipoh, Perak dan merupakan anak kepada pejuang kemerdekaan yang terkenal iaitu Ahmad Boestamam atau nama sebenarnya Datuk Abdullah Sani Raja Kechil dan Datin Rabithah Mohd Wajib. Beliau merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarganya disamping adik perempuannya yang bernama Norliah A. Sani (Ahmad Boestamam, 2004: 356).

Sewaktu kecil, Rustam A. Sani telah menerima pendidikan dasar di Sekolah Kebangsaan Behrang Hulu, Tanjong Malim pada tahun 1951 hingga tahun 1955. Beliau kemudiannya telah melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Methodist English School, Tanjong Malim pada tahun 1956 hingga 1963. Menurut M.Bakri Musa (2008), sejak dari kecil lagi Rustam A. Sani telah mengenal erti tanggungjawab dan tugas berat sebagai seorang pembela tanah air. Sebagai seorang anak nasionalis yang terkenal, beliau telah tenggelam dalam semangat patriotik dan ucapan-ucapan yang dilontarkan oleh ayahnya iaitu Ahmad Boestamam. (M. Bakri Musa, 2008: bakrimusa.com).

Pada usia yang muda lagi beliau telah mengetahui bahawa pentingnya untuk memperjuangkan kemerdekaan yang sebenar. Disebabkan itu, beliau memberi tumpuan kepada kerja-kerja sekolah beliau kerana sedar bahawa beliau adalah antara beberapa orang yang bernasib baik dalam kalangan anak-anak muda yang mendapat keistimewaan untuk menghadiri sekolah (M.Bakri Musa, 2008). Apabila beliau menamatkan persekolahan dalam menengah atas iaitu tingkatan enam di Victoria Institution, Kuala Lumpur pada tahun 1964, beliau telah ditawarkan kemasukan ke Universiti Malaya di Kuala Lumpur dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1970. Menurut Syed Husin Ali (2008), beliau mengenali Rustam A. Sani sejak kecil iaitu melalui ayahnya, Ahmad Boestamam (Syed Husin Ali, 2008:<http://mmahonline.wordpress.com>). Sebagai seorang pelajar yang matang di universiti, Rustam A. Sani segera mendapat perhatian dalam kelasnya yang tersendiri sebagai seorang penulis esei, penyair dan penulis risalah dalam Kelab Sosialis.

Menurut Syed Husin Ali (2008) lagi, beliau tertarik dengan kecerdasan fikiran, kepetahan bercakap dan kecekapan menulis Rustam A. Sani. Beliau bukanlah seorang yang cergas dalam gerakan pelajar pada waktu tersebut, tetapi sering mengikuti pergerakan-pergerakan yang dijalankan untuk menyatakan sokongannya. Rustam A. Sani dilihat berminat apabila para siswa serta pensyarah bergerak menyokong peristiwa-peristiwa seperti ratusan petani membuka tanah bersama Allahyarham Hamid Tuah di Telok Gong, puluhan keluarga peneroka Bandar Tasek Utara berkhemah di hadapan Pejabat Kerajaan Johor membantah rumah mereka diroboh dan ribuan orang kampung berdemonstrasi kelaparan akibat kemerosotan harga getah di Baling. Walaupun beliau jarang berada di barisan hadapan dalam demonstrasi ataupun memberi pidato, tetapi beliau juga tidak ketinggalan menjeritkan kemarahannya terhadap kezaliman pihak pemerintah ke atas rakyat yang miskin melalui sajak serta penulisannya. Di sinilah Syed Husin Ali melihat kekuatan sebenar yang ada dalam diri Rustam A. Sani (Syed Husin Ali, 2008).

Selepas tamat pengajian di Universiti Malaya, beliau telah melanjutkan pengajiannya ke luar negara bagi mendapatkan Diploma Sosiologi di Universiti Reading, England pada tahun 1973 dan seterusnya menamatkan pengajian sarjananya dalam Pengajian Asia Tenggara di Universiti Kent, England pada tahun 1975. Beliau memilih untuk melakukan Sarjana di Universiti of Kent di Canterbury di mana beliau berkenalan dengan mahasiswa Malaysia yang lain termasuk Kamaruddin Jaffar, ahli ekonomi Ghazali Atan dan penerbit Tan Lim Siang Jin (Jomo K. S, 2008).

Pada tahun 1978, beliau sekali lagi mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran dan telah berangkat ke Amerika Syarikat bagi meneruskan pengajiannya di Universiti Yale, dan beliau telah memperoleh dua ijazah iaitu ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1981 dan Sarjana Falsafah pada tahun 1982 dalam bidang Sosiologi Politik. Selepas beliau berjaya lulus dalam peperiksaan komprehensif yang sukar di Yale, beliau lebih gemar untuk menulis buku teks statistik bagi mereka yang tidak suka subjek kaedah kuantitatif itu (Jomo K. S, 2008).

Pada tahun 1991 pula, beliau telah menjadi peserta dalam Program Kajian Antarabangsa tentang Penyelesaian Konflik di Universiti Uppsala, Sweden. Pendidikan beliau dalam bidang ilmu sosial dan kemanusiaan ini telah memberikan beliau ilmu dan senjata analisis yang dimanfaatkan sebaik-baiknya

dan digemblengkan dengan falsafah perjuangan yang diwarisi daripada bapanya untuk meningkatkan daya intelektual serta meneruskan cita-cita melalui pelbagai wadah (Baharuddin Zainal, 1981: 215).

Di peringkat awal, Rustam A. Sani memulakan tugas sebagai penolong editor di Oxford University Press, Kuala Lumpur pada tahun 1965 hingga 1967 sebelum beliau dinaikkan pangkat menjadi editor pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1970 hingga 1971. Pada tahun 1971 dan 1972 pula, beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di bahagian Akademik dan Rekod di Universiti Malaya (UM) merangkap Setiausaha, Unit Pusat Universiti-Universiti (UPU). Beliau juga pernah menjadi pensyarah di Pusat Bahasa, Universiti Malaya pada tahun 1975 hingga 1976 (Baharuddin Zainal, 1981: 216).

Pada tahun 1977, beliau memulakan khidmat sebagai seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Jabatan Antropologi dan sosiologi hingga tahun 1988. Mulai tahun 1984, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi sebelum bertukar ke Jabatan Sains Politik dan menjadi Profesor Madya di universiti yang sama pada tahun 1989 hingga 1990 (Baharuddin Zainal, 1981: 216). Rustam A. Sani turut memuatkan pengalaman kerjanya sebagai pensyarah dalam buku terakhir iaitu *Ketemu Di Alur Zaman* sebagai:

‘...saya mula bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi (JAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada tahun 1976. Pada waktu itu UKM masih belum berpindah ke kampus tetapnya di Bangi, masih menjadi ‘setinggalan’ di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur, dan masih berjiran dengan Universiti Malaya. Namun pada ketika itu JAS bukanlah sebuah jabatan baru-sudah enam tahun umurnya sejak JAS ditubuhkan pada tahun 1970. Meskipun pada waktu penyertaan saya itu Ketua JAS adalah sdr Dahlan Haji Aman, namun usaha untuk “menggoda” saya supaya menyertai JAS telah dilakukan oleh seorang teman lain, yakni Saudara Hairi Abdullah. Pada waktu itu saya baharu sahaja pulang dari England (memperoleh Postgraduate Diploma in Theoretical Sociology dari University of Reading dan M.A in South East Asian Studies dari University of Kent at Canterbury) – dan baru menyertai Pusat Bahasa UM untuk mengajar Ilmu Penterjemahan. Pada ketika itu JAS sedang menghadapi masalah mencari tenaga pengajar, khususnya dalam bidang-bidang seperti Teori Sosiologi dan Antropologi. Tambahan pada ketika itu terdapat pengajar dalam bidang tersebut yang memutuskan untuk berkelana ke lapangan-lapangan lain yang lebih mencabar dan lebih “exciting”. Oleh itu, salah satu tarikan besar saya bagi menyertai JAS pada ketika itu ialah kemungkinan yang ditawarkan kepada saya untuk mengajar dan memperkembangkan bidang-bidang pengajaran yang saya gemari – Teori Sosiologi dan Sosiologi Politik.” (Rustam A. Sani, 2009:2)

Menurut Jomo K.S (2008), perkenalan beliau dengan Rustam A. Sani bermula pada tahun 1977 dimana pada waktu tersebut, beliau baru sahaja menyertai Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). UKM pada waktu itu berada di kampus sementara di Lembah Pantai di mana kemudahan yang terhad di rumah pangsa PKNS menyebabkan mereka menjadi semakin akrab. Menurut Jomo K.S lagi, Rustam A. Sani sering berjenaka bahawa sekiranya beliau telah bersetuju untuk melibatkan diri dalam pilihan raya pada Mei 1969, maka beliau akan menjadi Menteri Besar pada usia seawal 25 tahun (Jomo K.S, 2008).

Tidak lama selepas itu, beliau telah bersetuju untuk menjadi Timbalan Presiden Parti Sains Sosial Malaysia (PSSM) dan Rustam A. Sani telah mencadangkan siri dwitahunan antarabangsa Persidangan Pengajian Malaysia di mana Rustam A. Sani dan Jomo K.S telah cuba untuk mengubah semula kajian Malaysia sebagai negara wacana dan bukannya sebagai kawasan kajian pasca-kolonial dan nasionalis. Walau bagaimanapun peristiwa pada tahun 1997 hingga tahun 1999 telah merencatkan rancangan mereka dan Rustam A. Sani telah menyertai Reformasi berikutan penahanan Anwar Ibrahim (Jomo K.S. 2008).

Pada akhir tahun 1980-an, beliau sebenarnya telah menerima jemputan dari Dr. Nordin Sopiee untuk menyertai Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS). Beliau telah memegang jawatan sebagai Fellow Kanan, Pengarah Penerbitan dan Ketua Editor di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia ini pada tahun 1990 hingga 1995. Di sana, beliau telah merangka ucapan

Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjanjikan bangsa Malaysia sebagai sebahagian daripada Wawasan 2020 beliau (Baharuddin Zainal, 1981: 216).

Shamsul Amri Baharuddin (2011) menyatakan bahawa sebagai seorang pemikir mengenai perkara-perkara intelektual besar yang mengesankan semua lapisan manusia dalam masyarakat Malaysia, Rustam A. Sani tidak dapat mengelakkan diri daripada berdialog dengan idea besar yang cuba dimajukan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam usahanya membawa Malaysia ke suatu paras kemajuan ekonomi yang belum pernah dialami di Malaysia sebelumnya (Shamsul Amri Baharuddin, 2011: xvi). Beliau juga pasti bahawa terjemahan *Malaysia: The Way Forward* yang disediakan oleh Dr. Nordin Sopiee telah diterjemahkan oleh Rustam sebagai Wawasan 2020: Malaysia Melangkah ke Hadapan dan diterbitkan pada tahun 1992 dalam majalah keluaran ISIS berjudul ISIS Forum. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Jomo K.S (2008) bahawa 'Wawasan 2020' ini sebenarnya adalah merupakan idea yang diterjemahkan oleh Rustam A. Sani itu sendiri dari perkataan Inggerisnya iaitu *Malaysia: The Way Forward* (Jomo K.S, 2008).

Menurut Syed Husin Ali (2008) pula, semasa Rustam A. Sani berkhidmat di ISIS, beliau sering kali ditawarkan untuk memasuki parti politik pemerintah dan berpeluang untuk memilih menduduki kerusi empuk dalam kerajaan. Namun beliau telah menolak kerana hatinya masih berat kepada rakyat (Syed Husin Ali, 2008). Helmi Hanafi (2008) yang mengenali Rustam A. Sani sewaktu beliau menjadi Pengarang Suara PRM pula menyatakan bahawa Rustam A. Sani atau lebih dikenali sebagai Pak Rustam, gemar menceritakan pengalaman beliau sewaktu menjadi Fellow Kanan ISIS dimana Dr Mahathir Mohamad pernah memanggilnya ke pejabat selepas tulisannya yang keras mengkritik kerajaan telah tersiar dalam kolum minggunya di Utusan Malaysia (Helmi Hanafi, 2008).

Rustam A. Sani juga banyak memikir dan menulis mengenai bentuk negara yang diidamkan oleh Malaysia semasa berada di ISIS. Terdapat beberapa esei beliau yang menyentuh secara langsung perihal Malaysia seperti esei 'Mencetuskan Nasionalisme Malaysia (April 1991), 'Pentakrif Bangsa Malaysia Moden' (Disember 1991), 'Mematangkan Institusi Raja' (April 1992), Nasionalisme Melayu' (November 1992), 'Membentuk Keperibadian Bangsa' (Disember 1992) dan 'Memimpin Melayu Baru' (Mei 1993).

Walau bagaimanapun, Rustam A. Sanitelah meninggalkan ISIS pada pertengahan 1990-an selepas kecewa dengan kurangnya komitmen yang serius dari pihak ISIS dan telah menjadi seorang penulis, penterjemah dan ahli perniagaan dengan menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Pascabaru (M) Sdn Bhd dimana beliau merupakan Pengerusi Eksekutif syarikat tersebut pada tahun 1995 hingga 1997. Beliau juga pernah menjadi Fellow Kanan di Pusat Dialog Peradaban di Universiti Malaya pada tahun 1997 hingga 1999 (Jomo K.S, 2008).

Meskipun sebahagian besar kerjaya Rustam A. Sani adalah merupakan kerjaya sebagai seorang akademik, namun sebenarnya semenjak tahun enam puluhan lagi beliau sudah terlibat dengan penulisan kolum penerbitan popular berkala. Beliau yang dikenali sebagai seorang yang gemar menulis dan pernah menjadi penulis kolum tetap untuk akhbar dan majalah seperti Dewan Masyarakat, Utusan Malaysia, New Straits Times, The Edge, Detik, Harakah, Suara PRM, Siasah, Suara Keadilan, Nanyang Siang Pau (Cina) dan Oriental Daily (Cina).

Menurut Syed Husin Ali (2008), penglibatan Rustam A. Sani dalam politik pula adalah secara kebetulan dan dengan mendadak dalam bidang politik nasional apabila dipilih sebagai Timbalan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) dalam kongres parti tersebut pada tahun 2001. Pada waktu tersebut, Allahyarham A Razak Ahmad yang merupakan Timbalan Presiden PRM telah meminta untuk berundur atas faktor kesihatan dan Syed Husin Ali telah meminta Rustam A. Sani untuk menggantikan beliau. Syed Husin Ali mengulas tanggungjawab yang digalas oleh Rustam A. Sani dalam PRM tersebut sebagai:

'...Allahyarham Rustam menjalankan tugas-tugasnya dengan sepenuh hati serta dedikasi. Ia melihat peranannya sebagai suatu tanggungjawab meneruskan perjuangan bapanya untuk kebebasan bangsa dan kewajipan untuk membela nasib rakyat jelata. Ketajaman intelek serta analisisnya sangat membantu. Lebih-lebih lagi apabila beliau ditugaskan juga sebagai editor Suara Rakyat. Tidak lama selepas disumbat ke penjara Sungai Buloh, Anwar Ibrahim menghubungi saya dengan saranan agar

PRM bergabung tenaga dengan PKN. Jawatankuasa Pusat parti membincangkan perkara ini dengan mendalam dari segala segi dan akhirnya menerima saranan itu. Pada peringkat awal perbincangan menuju pembentukan PKR, Allahyarham Rustam aktif sekali menyiapkan kertas-kertas, menyertai perbincangan dan melaksanakan keputusan. Orang sering lupa beliau menyertai MPT Peralihan PKR dan menyandang jawatan Ketua Penerangannya yang pertama. Tetapi beliau terpaksa melepaskannya selepas pelancaran rasmi PKR pada tahun 2003 kerana dua sebab. Pertama kerana kesihatan; beliau mengidap sejenis penyakit saraf yang mengakibatkan kesakitan amat sangat dan oleh itu susah hendak keluar rumah. Kedua, dalam keadaan begitu beliau ingin cergas bermesra semula dengan cinta pertama (sudah tentu selepas isteri dan anaknya), iaitu menulis. Inilah tumpuannya sehingga ke akhir hayat...’ (Syed Husin Ali, 2008).

Dalam arena politik, beliau pernah menyertai Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Peralihan PKR dan telah menyandang jawatan Ketua Penerangan yang pertama. Namun, beliau terpaksa melepaskannya selepas pelancaran rasmi Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada tahun 2003 kerana dua sebab iaitu masalah kesihatan beliau dimana beliau disahkan menghidap penyakit saraf yang mengakibatkan kesakitan dan sukar untuk keluar rumah dan faktor kedua pula adalah kerana faktor menulis.

Hobi beliau yang gemar menulis ini telah menjadi tumpuannya sehingga ke akhir hayat beliau. Setelah Rustam A. Sani berhenti menjadi Ketua Penerangan dan tidak lagi berada dalam MPT, beliau tidak pula terus berhenti dari parti tersebut. Namun, beliau sentiasa menolong apabila diminta yakni sekiranya boleh ia lakukan dari rumah. Beliau juga telah berkali-kali membantu menulis ucapan untuk pemimpin parti PKR dan menulis kertas kerja untuk parti berkenaan. Tugasnya yang boleh dikatakan terakhir ialah dengan membantu serta memandu beberapa orang anak muda yang dipertanggungjawab bagi menyiapkan manifesto parti bagi Pilihan Raya Umum ke-12 (Syed Husin Ali, 2008).

Menurut Abdul Rahman Embong (2008), semasa hayatnya, Rustam A. Sani amat memerhatikan nasib bangsa dan negara dengan memberikan tumpuan khusus melalui penulisannya serta wacana awam lain pada persoalan nasionalisme, peranan golongan kiri Melayu dalam usaha kemerdekaan dan pembangunan negara, di samping mengambil berat soal perpaduan rakyat berbilang kaum dan pembinaan bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2008: 146). Selain itu, beliau juga turut menitik beratkan persoalan reformasi sistem pendidikan negara, pembangunan ilmu, intelektual dan budaya serta sering menyatakan keprihatinan terhadap asas budaya yang dangkal terutamanya dalam kalangan golongan kelas menengah yang dianggap ejen pemodenan sekalipun terdapat kemewahan dan pembangunan ekonomi yang pesat. Pemikiran beliau mengenai kesemua ini dapat dikesan dalam karya-karya beliau seperti *Failed nation? Concerns of a Malaysian Nationalist (2008)* dan *Social Roots of the Malay Left (2008)*.

Karya-karya beliau yang lain juga dapat dilihat seperti *Melayu Baru: Beberapa Persoalan Sosiobudaya (1992)*, *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia: Tradisi Cendekia dan Krisis Budaya (1993)*, *Ke Mana Nasionalisme Melayu? (2004)* dan *Menjelang Reformasi (2004)*. Beliau juga pernah menyatakan keprihatinan yang serius terhadap masalah kualiti sains sosial Malaysia yang mesti ditingkatkan seperti diungkapkan dalam makalahnya “The Social Science in Malaysia: A Critical Scenario” bersama Norani Othman, pada tahun 1991.

Beliau juga telah banyak menghasilkan puisi dan juga memberikan sumbangan yang besar dalam kesusasteraan Melayu dari segi terjemahan. Hasil terjemahannya adalah seperti *Gasper Ruiz, Istana Impian* dan beberapa buah cerpen dalam *Shoji*, telah berjaya mendekatkan pembaca kepada karya-karya terpilih dari luar negara. Beliau menguasai kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik, dan beliau telah berjaya meningkatkan usaha penterjemahan karya sastera secara lebih profesional dan bertanggungjawab.

Menurut M. Bakri Musa (2006), penguasaan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Rustam A. Sani sangat baik dimana beliau menggunakan hanya satu bahasa dalam setiap artikel dan esei yang dikarangnya dan tidak seperti sesetengah individu yang mencampurkan kedua-dua bahasa tersebut dalam sesuatu artikel yang memudahkan seseorang membacanya (M. Bakri Musa, 2006: bakrimusa.com). Walaupun beliau pernah menulis cerpen dan memenangi hadiah RM100.00 dalam peraduan mengarang mingguan anjuran Berita Harian, namun sebenarnya Rustam A. Sani lebih berminat dan memperlihatkan



kebolehanannya dalam bidang puisi. Beliau sebenarnya telah mula menulis puisi sejak tahun 1961. Sehingga tahun 1974, beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada 40 buah puisi, yakni kumpulan puisi yang kemudiannya dimuatkan dalam *Riak-Riak Kecil*. Kumpulan puisinya juga turut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1977 (Baharuddin Zainal, 1981: 217). *Riak-Riak Kecil* yang mengandungi 39 buah puisi, merupakan tanggapan, kesan dan pengalaman Rustam terhadap manusia dan kemanusiaannya, sama ada yang berpura-pura atau jujur. Walaupun kumpulan ini bukan terdiri daripada puisi-puisi protes terhadap gejala-gejala yang tidak disenangi oleh Rustam di dalam masyarakatnya, namun puisi-puisi itu mengandungi nada protes, yakni salah satu unsur yang terdapat dalam puisi-puisi seangkatannya. Puisi-puisi ini telah ditulisnya semasa berada di Eropah dan di tanah air (<http://dbp.gov.my>).

Sebagai seorang tokoh yang berkecimpung dalam bidang penyelidikan dan pengajian tinggi, Rustam A. Sani telah banyak melibatkan diri dalam bidang sosial dan pendidikan. Sumbangan pemikirannya terhadap pergolakan yang berlaku dalam dunia pendidikan banyak disalurkan melalui rencana dan kertas-kertas kerja yang dikemukakan dalam pertemuan-pertemuan, seminar, kongres dan sebagainya. Beliau sering diundang untuk membentangkan kertas-kertas kerja terutamanya yang berhubung dengan masalah pendidikan.

Dalam Seminar Pendidikan Umum Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang berlangsung pada tahun 1985, beliau telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Literasi Sains Sosial dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah: Satu Pandangan Umum”. Sebelum itu, dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-IV yang berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1984, Rustam telah membentangkan kertas kerjanya bertajuk “Dewan Bahasa dan Pustaka: Matlamat Asalnya dan Perkembangannya Masa Kini” (<http://dbp.gov.my>).

Selain dua kertas kerja tersebut, kertas kerjanya yang lain banyak menimbulkan perbincangan dan reaksi dalam kalangan para peserta. Dalam Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia yang ke-13 pada tahun 1985, Rustam A. Sani telah menyampaikan Pidato Umum Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan yang diterima oleh Kassim Ahmad. Beliau turut menjadi penulis ucapan pidato untuk majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan yang diterima oleh Kassim Ahmad tersebut. Beliau juga pernah menjadi pemidato untuk majlis penganugerahan gelaran Tokoh Pembaca kepada Anwar Ibrahim anjuran Majlis Kemajuan Buku Malaysia pada tahun 1988 (<http://dbp.gov.my>).

Rustam A. Sani juga pernah menerima beberapa anugerah dan biasiswa. Dalam tahun 1966, misalnya, beliau menerima Oxford University Press (OUP) Meritorious Service Award dan selepas itu pihak OUP telah menghulurkan biasiswa kepada beliau untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya (1967-1970). Beliau juga turut terpilih untuk menerima Zamalah Fulbright-Hays untuk pengajian siswazahnya di Universiti Yale, Amerika Syarikat (1978-1981). Beliau merupakan penerima Hadiah Sastera Malaysia dalam Kategori “Esei dan Kritik” untuk tahun 1988-1989 (<http://dbp.gov.my>).

Rustam A. Sani telah banyak memberikan sumbangan sebagai penulis kolum dan penulis rencana tentang pelbagai isu sosial, politik, dan ekonomi, di akhbar-akhbar. Beliau pernah menulis secara tetap dalam bahasa Inggeris dalam majalah ‘The Edge’ dan dalam bahasa Melayu untuk Dewan Masyarakat, dan sejak beberapa tahun lalu beliau menjadi penulis kolum mingguan dalam Utusan Malaysia. Selain itu, beliau menyumbang rencana dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kepada penerbitan-penerbitan seperti New Straits Times, Business Times (Singapura), Berita Harian, dan ISEAS Trends (Singapura).

Beliau juga mempunyai pengalaman luas mengedit jurnal-jurnal akademik seperti *Akademika*, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* dan *Dewan Masyarakat*. Rustam A. Sani juga menjadi Editor Perunding, jurnal akademik tiga bulanan, *Pemikir* yang diterbitkan oleh Utusan Melayu Berhad. Beliau juga telah banyak mengedit buku-buku dalam bidang sains sosial (<http://dbp.gov.my>). Beliau juga banyak terlibat dalam kegiatan dan pertubuhan-pertubuhan yang bercorak akademik mahupun yang berhubung dengan kegiatan sastera dan penerbitan. Beliau adalah salah seorang Wakil Senat, Jawatankuasa Persidangan UKM (1985-1986), panel hakim Anugerah Buku Majlis Kemajuan Buku Malaysia (1982 dan 1984), panel Hadiah Sastera Malaysia 1983/84, Ketua Editor *Akademika*, UKM (1976-1978), editor

Jurnal Antropologi dan Sosiologi, UKM (1982 dan 1985), editor ilmu Masyarakat dan Jurnal Persatuan Sains Sosial Malaysia. Pada tahun 1998, beliau telah terpilih untuk menjadi Timbalan Presiden, Persatuan Sains Sosial Malaysia, di samping memegang beberapa jawatan lain dalam pelbagai jawatankuasa, di Malaysia dan di luar negara (<http://dbp.gov.my>).

Rustam A. Sani telah membesar dalam bayang-bayang bapanya yang terkenal iaitu Abdullah Sani atau lebih dikenali sebagai Ahmad Boestamam. Berasal dari keluarga seorang tokoh pejuang kemerdekaan, beliau telah kehilangan kasih sayang bapanya semasa masih kanak-kanak lagi akibat kekejaman penjajah British. Bapanya telah merengkok dalam tahanan British selama tujuh tahun dari Jun 1948 hingga 1955 kerana memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Disebabkan perjuangan bapanya, beliau kemudian meneruskan perjuangan demi keadilan dan kesejahteraan rakyat di bawah keadaan yang baru di tanah air yang sudah merdeka. Beliau juga merupakan seorang intelektual awam yang konsisten dalam menghasilkan pandangan-pandangan sosial dan politik Malaysia. Pengaruh bapanya yang merupakan pejuang kemerdekaan dan tokoh Angkatan Pemuda Insaf (API) sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran dan penglibatan beliau untuk berkembang dengan kesedaran dan daya intelek yang mempunyai tenaga yang kuat dan panjang untuk disumbangkan kepada Malaysia.

Rustam A. Sani banyak mewarisi tradisi kegagahan berpolitik, kepetahan bercakap dan kerajinan menulis dari bapanya. Sekiranya bapanya lebih terkenal sebagai pemimpin serta aktivis politik dan seorang penulis gigih, anaknya yang bernama Rustam pula lebih menonjol sebagai penulis samada sajak atau ulasan politik daripada seorang tokoh politik. Beliau telah meninggal dunia pada 23 April 2008 di usianya yang berumur 64 tahun. Allahyarham Rustam A. Sani telah disemadikan pada pukul 3 petang di perkuburan Islam di Setapak, Kuala Lumpur iaitu hanya beberapa kilometer dari rumahnya di Jalan Bukit Lela, Gombak.

### **Kritik Atas Idea Pembinaan Bangsa Malaysia**

Kebanyakan negara yang pernah dijajah biasanya akan menghadapi masalah pembinaan sebuah bangsa apabila negara itu mencapai kemerdekaan. Malah ada negara-negara di Asia dan Afrika yang berpecah belah sebaik sahaja ia dibebaskan dari belenggu penjajahan. Perpecahan ini adalah berpunca dari kegagalan rakyat negara-negara tersebut mencari asas-asas perpaduan dan persefahaman dalam kalangan mereka. Malaysia juga tidak terkecuali dalam hal ini. Secara umumnya, pembinaan negara-bangsa (*nation-building*) adalah merupakan suatu proses mewujudkan semangat kenegaraan atau perasaan kekitaan dalam kalangan semua penduduk sesebuah negara. Melalui proses ini biasanya dapat mewujudkan suatu bangsa yang bersatupadu yang penduduknya mempunyai penumpuan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara tersebut (INTAN, 1980). Manakala dalam istilah pengajian politik, sains politik atau kerajaan, bidang yang dipanggil pembinaan negara-bangsa merupakan pengajian mengenai masyarakat, sosiobudaya, sejarah, politik dan ekonomi. Pengajian ini memerlukan bukan sahaja pemahaman tetapi juga penghayatan sebagai seorang warganegara yang setia dan peka kepada sejarah, perubahan sistem pentadbiran, dasar dan pembangunan negara (Asnarulkhadi dan Jayum, 1997: 3).

Rustam A. Sani (1993: 6) melihat sebuah negara bangsa itu pada asasnya merupakan sebuah komuniti politik yang bersifat simbolik. Penduduknya pula adalah terangkum dalam sebuah wilayah yang mempunyai simbol-simbol kewibawaannya yang simbolik. Simbol-simbol tersebut telah dijadikan asas untuk memupuk nilai-nilai patriotisme, kebanggaan dan jati diri negara-bangsa dalam kalangan warganya. Antara simbol-simbol tersebut adalah institusi perlembagaan, ideologi negara, bahasa, agama, budaya dan unsur-unsur sosial lain yang dapat membentuk kesepaduan dalam kalangan warganya.

Tidak dinafikan, sebenarnya terdapat banyak tafsiran tentang makna negara-bangsa. Namun menurut Abdul Rahman Embong (2001:12), persoalan negara-bangsa secara konseptual menjadi permasalahan penting disebabkan terdapatnya beberapa kekeliruan mengenainya. Hal ini kerana ada pihak yang menganalisis perkara tersebut secara legalitis dengan menghubungkannya dengan konsep warganegara dan ada pula yang melihatnya berdasarkan konsep ras yang diujahkan sebagai sukar untuk terbentuk.

Kewujudan masalah membina negara-bangsa ini diperhatikan kerana kepelbagaian dalam masyarakat. Menurut Rustam A. Sani (1993) lagi, kebanyakan negara-negara itu dicirikan oleh keanekaragaman ikatan primordial yang kuat dengan sistem-sistem kekerabatan, kelompok, ras, bahasa, dan agama yang berbagai-bagai. Perbezaan yang ketara di dalam masyarakat ini menghasilkan persaingan dan konflik etnik kerana diantara mereka cuba untuk memperjuangkan falsafah dan cara mereka. Akhirnya keanekaragaman inilah yang sering mengancam perpaduan dan kesatuan politik, serta kehidupan berbangsa dan bernegara yang tulen (Rustam A. Sani, 1993: 5). Beliau turut memberi contoh negara lain berkenaan pembentukan negara bangsa dengan menyatakan:

‘...dilihat dari sudut ini, semua gerakan nasionalisme di dunia tidaklah lain daripada gerakan politik yang bertujuan untuk menggembelng para anggota sesuatu komuniti politik berdasarkan simbol-simbol asas kesepaduan yang tertentu. Misalannya, agama Islam menjadi simbol bagi pembentukan negara bangsa Pakistan, mitos tentang leluhur bangsa yang sepunya menjadi asas simbolis nasionalisme Yahudi dan negara Israel, konsep hubungan kekeluargaan di bawah naungan Maharaja – Bapa menjadi asas simbolis nasionalisme Jepun, mitos kesamaan nasib sejarah yang diikat oleh kesatuan budaya menjadi asas nasionalisme Indonesia...’ (Rustam A. Sani, 1993: 6).

Tambah beliau lagi, dalam kebanyakan negara tersebut keupayaan membina negara-bangsa melibatkan usaha melahirkan semacam rasa kesetiaan, penyertaan dan identiti nasional yang melewati batasan-batasan sosial yang memisahkan kelompok-kelompok di dalamnya. Usaha-usaha inilah yang diperhatikan sebagai titik tolak terpenting dalam mewujudkan negara-bangsa. Untuk melaksanakan usaha-usaha tadi, terlebih dahulu elemen-elemen yang boleh mengikat semua masyarakat di dalam negara itu ditentukan supaya taat, setia dan boleh bertolak ansur antara satu sama lain. Elemen-elemen ini, selain daripada boleh membezakan masyarakat negara itu dengan masyarakat negara lain di dunia, perlu juga didasari pada sejarah silam negara tersebut. Ini untuk memastikan bahawa rasa cinta dan kasih terhadap negara akan berterusan dan abadi (Rustam A. Sani, 1993: 5).

Beliau juga turut mengaitkan negara-bangsa yang dibentuk, pada asasnya adalah komuniti politik yang bersifat simbolis, dan dalam zaman moden komuniti politik itu seolah-olah dianggap lazim. Beliau menukilkan perbincangan mengenai negara bangsa ini dalam bukunya yang mengatakan:

‘...pada asasnya, sebuah negara bangsa adalah komuniti politik yang bersifat simbolis dan dalam zaman moden komuniti politik itu seolah-olah dianggap satu-satunya komuniti politik yang lumrah. Para anggota atau warganya mengesahkan kewujudan komuniti itu, dan keanggotaannya dalam komuniti itu, melalui ikatan hak dan tanggungjawab dengan wilayah kewibawaannya dan hubungan kesetiaan dengan simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik tersebut. Pelbagai unsur kehidupan sosial dan budaya boleh dijadikan asas simbolis sesebuah negara bangsa, asalkan simbol itu melambangkan kesepaduan kini dan leluhur sejarah (yang didakwa) bagi kelompok itu. Sekaligus, asas simbolis itu mestilah pula merupakan unsur yang membezakannya daripada komuniti-komuniti politik lain di dunia...’ (Rustam A. Sani, 1993:6)

Oleh yang demikian, Rustam A. Sani berpendapat bahawa keseluruhan upaya dalam pembinaan negara bangsa ini tidaklah semata-mata merupakan usaha pemantapan wilayah politik sahaja. Malah, beliau berpendapat bahawa upaya tersebut merupakan usaha keintelektualan iaitu usaha untuk mengungkapkan suatu cita-cita politik, usaha mengartikulasikan citra masa depan sebuah sesebuah komuniti politik berdasarkan suatu tafsiran tentang sejarah dan tradisi komuniti tersebut. Beliau juga menambah:

‘...Namun demikian, terdapat suatu ironi yang menarik pada usaha mengungkapkan cita-cita kebangsaan ini. Pada satu pihak, cita-cita itu menekankan perbezaan kelompoknya daripada bangsa yang menjajah dan mendorong penemuan kembali ciri-ciri khusus yang membezakannya itu untuk disanjung sebagai tunggak identiti sendiri yang cuba diketemukan. Di pihak yang lain pula,

nasionalisme juga merupakan usaha untuk meniru dan menyerupai bangsa yang menjajah itu, untuk mendirikan komuniti politik yang disebut *nation*, sama seperti bangsa penjajah itu sendiri - dan lebih-lebih lagi untuk membina negara bangsa baru itu atas landas-landas kemodenan dan rasionaliti, supaya standing dan setaraf dengan bangsa penjajah tersebut...' (Rustam A. Sani, 1993: 7)

Agenda pembinaan negara-bangsa sebenarnya sangat penting kepada negara ini kerana Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Di Malaysia, setiap kaum mempunyai persepsi atau tanggapan tersendiri terhadap kaum lain dan ianya masih dipisahkan dengan panggilan bangsa Melayu, bangsa Cina, bangsa India dan bangsa-bangsa lain. Walaupun perhubungan di antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia bertambah baik namun pemisahan sosial masih wujud.

Dilihat dari konteks dinamik proses pembentukan negara bangsa, negara bangsa yang dulunya dikenali sebagai Malaya dan kemudiannya menjadi Malaysia telah lebih beberapa dekad ketinggalan dalam pembentukan negara bangsanya. Bagi Rustam A. Sani (1993:8), sebenarnya imbasan ke belakang yakni pentafsiran sejarah yang mendalam perlu dilakukan terhadap proses pembentukan negara bangsa Malaysia ini. Bagi beliau, sekiranya sebahagian besar negara baru di dunia ini terbentuk sebagai hasil perjuangan nasionalisme yang gigih, yang diasaskan pada rasa keterlibatan yang mendalam terhadap simbol-simbol kesatuan negara yang jelas, maka hal ini tidaklah sama keadaannya di Malaysia. Sebaliknya menurut beliau, Malaya telah didirikan lebih tiga puluh tahun yang lalu di atas nasionalisme Melayu yang telah gagal menegakkan sebuah negara bangsa Melayu yang dihasratkan atas kedudukan utama budaya, bangsa dan bahasa Melayu (Rustam A. Sani, 1983: 12). Beliau juga turut mengatakan:

'...apabila kita menyebut tentang negara hasrat (atau cita-cita nasionalisme) Melayu itu, maka yang kita perkatakan bukanlah sekadar suatu konsep wilayah atau komuniti politik yang telah dipersetujui. Malah, sebagaimana yang akan diperlihatkan, konsep kewilayahan politik itulah antara unsur yang paling tidak jelas dan beranekaragam dalam cita-cita tersebut – dari konsep negeri-negeri Melayu tradisional hinggalah konsep 'Melayu Raya' yang merupakan wilayah budaya yang amat luas. Akan tetapi, yang lebih penting daripada itu ialah suatu cita-cita yang diungkapkan sebagai unsur pemikiran politik dalam penulisan beberapa tokoh nasionalis itu tentang citra dan ciri negara bangsa Melayu yang dicita-citakan. Sebagai pengungkapan fikiran, maka tentulah cita-cita itu diungkapkan dalam wadah tradisi intelektual yang tertentu...' (Rustam A. Sani, 1993: 8-9).

Mengikut Rajini Ramlan (1986:6) pula, pembinaan bangsa Malaysia masih di tahap impian kerana sehingga kini masih tiada satu identiti sepunya bagi seluruh rakyat di negara ini. Buktinya, masyarakat langsung tidak menunjukkan ciri-ciri dan rupa bangsa Malaysia secara pasti dan yakin apabila ditanya mengenainya. Dalam konteks negara Malaysia, banyak pihak yang menyalahkan dasar penjajahan British yang diwarisi sebagai punca kegagalan penyatuan semua kaum.

Hal ini berbeza dengan Rustam A. Sani (1993:25). Berdasarkan pengamatan beliau mengenai proses pembinaan negara bangsa, beliau menyimpulkan bahawa negara Malaysia sebenarnya telah mempunyai negara dengan batas-batas wilayahnya yang telah ditetapkan. Namun, beliau berpendapat masih ada lagi tanggapan yang amat kabur tentang citra dan ciri negara bangsa tersebut. Dengan kata lain, beliau berpendapat bahawa Malaysia sesungguhnya merupakan *a nation without nationalism*, jauh sekali daripada merupakan sebuah bangsa yang telah dapat merealisasikan suatu ideologi pembentukan bangsa yang unggul (Rustam A. Sani, 1993: 25). Beliau juga turut menghujahkan dengan menyatakan seperti berikut:

'...bahawa persoalan inilah yang perlu dijadikan unsur utama dalam agenda pembinaan bangsa. Dengan mencetuskan gerakan nasionalisme pada masa sekarang, beliau mengatakan bahawa negara Malaysia sudah tiga dekad lewat. Namun, dengan melaksanakannya kini, negara Malaysia juga mempunyai beberapa kelebihan dari segi persediaan. Pertamanya ialah unsur kewilayahan negara bangsa itu sudah dapat dianggap sebagai selesai iaitu batas-batas kewilayahan negara yang kini dikenali sebagai Malaysia dapat diambil sebagai asas mentakrifkan aspek kewilayahan cita-cita

kebangsaan tersebut. Keduanya, gerakan dan cita-cita kebangsaan itu akan dipelopori oleh sebuah pemerintahan yang pastinya mempunyai keabsahan politik dan dapat pula menguasai sumber-sumber negara bagi melancarkan gerakan tersebut...’ (Rustam A. Sani, 1993: 26).

Dengan adanya persediaan ini, maka beliau menghujahkan bahawa beban utama yang perlu dihadapi oleh masyarakat Malaysia ialah beban intelektual dan pemikiran iaitu beban untuk mengungkapkan satu cita-cita dan visi politik yang akan mencirikan bangsa yang hendak dibina tersebut. Tugas tersebut menurut beliau dapatlah disimpulkan sebagai tugas untuk merumuskan kembali cita-cita nasionalisme Melayu yang terdiri daripada pelbagai jalur pemikiran dan menyesuaikan dengan realiti sosial negara ini, seterusnya akan mengungkapkannya kembali sebagai cita-cita nasionalisme Malaysia (Rustam A. Sani, 1993: 26).

Sebagai ideologi kebangsaan yang diasaskan pada nasionalisme Melayu, ciri-ciri kebumiputeraan dalam konteks lokasi kewilayahan Malaysia pada hari ini tentunya harus merupakan unsur yang penting. Ciri kebumiputeraan perlu diselaras dengan pertimbangan yang khusus terhadap kelompok-kelompok bumiputera bukan Melayu, terutama kelompok-kelompok sosial yang agak dominan di Sabah dan Sarawak (Rustam A. Sani, 1993: 27).

Persoalan mengenai pembentukan bangsa ini bukanlah merupakan satu perkara yang baru. Isu ini sebenarnya sudah lama diperkatakan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad khususnya dalam satu kertas kerjanya yang terkenal iaitu *Malaysia: Melangkah Ke Hadapan* yang membincangkan satu dasar penting negara, iaitu *Wawasan 2020*. Menurut Abu Hassan Adam (1992), hasrat sebegini mungkin asing bagi rakyat Malaysia yang hidup 20 tahun lampau, namun bagi masyarakat Malaysia kini, ia mungkin merupakan satu hasrat yang mungkin dapat dicapai kewujudannya (Abu Hassan Adam, 1992: 7).

Dalam kertas kerja Tun Dr. Mahathir Mohamad, cabaran pertama yang perlu diatasi oleh negara bagi memenuhi negara maju ialah pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Pembentukan bangsa Malaysia adalah merupakan satu cabaran yang besar, namun ia merupakan satu hasrat ke arah keperibadian bangsa yang mantap dari kepelbagaian kaum dan keturunan yang diwarisi dari sejarah kolonial Inggeris yang telah memberikan kesan yang mendalam terhadap polarisasi kaum di negara ini.

Sukar sebenarnya untuk memberikan takrif atau definisi tentang Bangsa Malaysia yang diidamkan oleh Perdana Menteri yang membentangkan wawasan ini. Namun, berdasarkan realiti sejarah sosial negara ini, dapatlah dibayangkan bahawa ia sebenarnya terdiri dari tiga bangsa utama yang menjadi warganegara bagi negara ini, tetapi bangsa yang menghuni negara tersebut mestilah moden dan baru, yang dibentuk dari kepelbagaian unsur sosial dan kebudayaan rakyat negara ini.

Menurut Rustam A. Sani (1993), kertas kerja Dr Mahathir Mohamad tersebut merupakan suatu sumbangan yang amat penting dalam sejarah pemikiran politik di negara ini. Meskipun konsep bangsa Malaysia yang diutarakan belum dihurai secara terperinci, namun, gagasan tersebut telah dikemukakan dengan jelas malah konsep bangsa Malaysia itu sendiri dikemukakan sebagai cabaran pertama yang perlu dihadapi (Rustam A. Sani, 1993: 49).

Sewaktu pembentangan kertas kerja tersebut, YAB Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa tercapainya bangsa negara Malaysia ialah apabila kita ke luar negara, orang kenal kita ini bangsa Malaysia. YAB Perdana Menteri juga menyebut tentang hubungan ekonomi dengan pembentukan bangsa serta kebimbangan setengah-setengah pihak yang takut bahasa dan kebudayaan suku kaum mereka akan hilang kerana menerima konsep negara bangsa Malaysia (Raja Ariffin Raja Sulaiman, 1990: 22-24).

Rustam A. Sani (1993) pula berpendapat bahawa kebanyakan negara-negara telah dicirikan oleh keanekaragaman ikatan primodial yang kuat dengan sistem-sistem kekerabatan, kelompok, ras, bahasa, dan agama yang berbagai-bagai. Perbezaan yang ketara di dalam masyarakat ini menghasilkan persaingan dan konflik etnik kerana diantara mereka cuba untuk memperjuangkan falsafah dan cara mereka. Akhirnya keanekaragaman inilah yang sering mengancam perpaduan dan kesatuan politik, serta kehidupan berbangsa dan bernegara yang tulen (Rustam A. Sani, 1993: 43).

Abdul Rahman Haji Embong (1995) pula telah menegaskan bahawa gagasan bangsa Malaysia adalah situasi di mana anggota semua kaum harus mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (Bangsa Malaysia) yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan dengan rupa bangsa yang sepunya. Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa sebuah negara bangsa akan hanya wujud apabila terdapat satu bentuk identiti sepunya bagi seluruh kumpulan-kumpulan etnik di sesebuah Negara (Abdul Rahman Haji Embong, 1995: 55).

Satu unsur yang amat penting dalam membentuk kesatuan bangsa dalam kalangan sesuatu kelompok manusia ialah satu keperibadian bersama dan masa depan bersama yang diperkongsi di kalangan anggota-anggota kelompok itu. Oleh itu, Rustam A. Sani (1993) menghujahkan bahawa satu 'mitos' tentang persamaan asal usul misalnya kepercayaan bahawa para anggota kelompok budaya atau ras yang sama mungkin dapat dijadikan asas yang kukuh bagi pembentukan sentimen 'kebangsaan' yang demikian. Namun, unsur tersebut tidaklah merupakan syarat yang wajib (Rustam A. Sani, 1993: 78).

Namun begitu, persoalan "definitive race" atau bangsa penentuan yang paling sah tidak dapat dielakkan. Soal ini mungkin tidak timbul sekiranya dua atau tiga bangsa dengan bilangan yang hampir sama meneroka satu wilayah yang kosong atau bangsa yang mendatang tersebut kuat dan mampu untuk menguasai penduduk peribumi sepertimana yang berlaku di Amerika, Australia dan New Zealand (Ghazali Shafei, 2001: 180).

Ghazali Shafei (1997: 181) mengatakan bahawa pembentukan suatu bangsa itu, walau bagaimanapun mungkin boleh dicapai melalui Wawasan 2020, dengan berlandaskan semangat Rukun Negara, di samping mengadakan dasar yang dapat mengawasi kesan-kesan pembangunan atau perindustrian terhadap nilai teras kebudayaan. Hal ini seolah-olah sama seperti pernyataan Rustam A. Sani yang menghujahkan bahawa perlu ada satu mitos bagi mengukuhkan sentimen kebangsaan masyarakat tersebut. Dalam erti kata lain seseorang itu yang memperkenalkan dirinya sebagai Bangsa Malaysia, mempunyai kerakyatan Malaysia, tanpa mengira asal keturunannya dan dia merasakan ianya mempunyai kebudayaan Malaysia yang tersendiri, orang sebegini mungkin boleh diterima sebagai Bangsa Malaysia yang dimaksudkan itu (Ghazali Shafei, 1997: 181).

Antara isu dan cabaran yang paling sukar ditangani dalam proses pembinaan satu negara-bangsa Malaysia ialah bagaimana menyatukan masyarakat dari segi wilayah-wilayah yang terpisah oleh faktor-faktor geografi. Proses mengintegrasikan Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia dengan mewujudkan kerjasama dan keharmonian hidup akan mempercepatkan pembentukan negara-bangsa. Secara umumnya, wilayah-wilayah ini mempunyai persepsi dan cadangan masing-masing terhadap identiti negara-bangsa Malaysia yang akan dibentuk. Persefahaman, kerjasama dan toleransi antara wilayah adalah penting bagi mewujudkan identiti negara-bangsa Malaysia ini.

Rustam A. Sani (1993:50) berpendapat bahawa dalam konteks khusus di Semenanjung Malaysia umpamanya, golongan Melayu dan Bumiputera masih belum dapat mentransformasikan fahaman nasionalisme Melayu menjadi nasionalisme Malaysia. Pada hemat beliau, mereka belum dapat mengalihkan cara berfikir daripada ideologi mempertahankan hak kelompoknya kepada pemikiran pencetus dan pentakrif keperibadian suatu citra bangsa yang baharu iaitu gagasan bangsa Malaysia yang belum pernah wujud dalam sejarah politik negara ini.

Di pihak lain pula, beliau juga berpendapat bahawa terdapat kegagalan golongan bukan Bumiputera untuk melepaskan diri mereka daripada tanggapan mengenai peranan dan kedudukan sosial yang berbeza daripada rupa kedudukannya dalam masyarakat majmuk zaman kolonial. Mereka juga belum memperlihatkan kesediaan untuk secara kreatif merombak pemikiran kearah penglibatan dan pengintegrasian sepenuhnya keperibadian bangsa baharu yang cuba dirumuskan (Rustam A. Sani, 1993:50).

Menurut beliau lagi, pada hakikatnya, apa yang cuba digerakkan oleh para pemimpin dalam kalangan orang Melayu khasnya dan dalam kalangan bangsa Malaysia umumnya ialah satu proses pemodenan masyarakat yang menyeluruh. Namun, disebabkan oleh penyerapan tradisi intelektual barat para pemimpin itu sendiri tidak tuntas, maka proses pemodenan itu, berlaku secara dangkal dan secara pentadbiran dianggap sebagai usaha untuk menukar anggota masyarakat Malaysia menjadi para pengguna teknologi dan ketrampilan pengurusan sahaja. Usaha untuk menyerapkan sikap serta pemikiran rasional

dan saintifik yang menjadi tunjang kepada teknologi moden tersebut tidak langsung dilaksanakan (Rustam A. Sani, 1993: 23). Oleh yang demikian menurutnya lagi, proses pembentukan bangsa Malaysia hingga kini dapatlah disimpulkan sebagai sekadar bersifat *muddling through* secara pentadbiran dan politik praktis unsur pemikiran dan visi politik langsung tidak wujud dan berkembang untuk mencirikan proses pembentukan negara bangsa tersebut (Rustam A. Sani, 1993: 23).

Seterusnya, pembinaan negara-bangsa akan mewujudkan persoalan apakah sifat dan ciri-ciri yang boleh dikaitkan dengan negara dan masyarakat berkenaan. Asnarulkhadi dan Jayum (1997:13) bersetuju dengan mengatakan bahawa terdapat tiga ciri yang boleh dikaitkan dengan sebuah negara yang sudah mempunyai budaya sivik iaitu yang pertama masyarakat hidup aman damai tanpa dipisahkan oleh elemen-elemen sempit khasnya etnik, kedaerahan, kebudayaan dan kepercayaan. Kedua, sebilangan besar ahli masyarakat berpegang kepada ideologi politik yang sama dan yang ketiga ialah kepercayaan kepada sistem pemerintahan dan undang-undang negara masih tinggi. Asnarulkhadi dan Jayum (1997) juga menambah bahawa dalam konteks Malaysia khasnya dan pengajian sains politik dan kerajaan amnya, konsep perpaduan, intergrasi dan negara-bangsa boleh dilihat sebagai 'tingkat' yang berbeza (Asnarulkhadi dan Jayum, 1997: 13).

Rustam A. Sani (1993) pula mengaitkan negara-bangsa yang ingin dibentuk pada asasnya adalah daripada komuniti politik yang bersifat simbolis, dan dalam zaman moden komuniti politik itu seolah-olah dianggap lazim. Terdapat tiga syarat yang akan menentukan komuniti itu menjadi lazim iaitu para anggota atau warganya mengesahkan kewujudan komuniti tersebut, keanggotaannya dalam komuniti tersebut iaitu melalui ikatan hak dan tanggungjawab dengan wilayah kewibawaannya dan yang terakhir adalah hubungan kesetiaan dengan simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik itu (Rustam A. Sani, 1993: 6).

Dalam mewujudkan bangsa Malaysia ini, Mohd Johari Hj. Yaakub (1997) mengatakan bahawa terdapat beberapa unsur yang membolehkan tercapainya perpaduan kaum di negara ini, umpamanya melalui sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya. Selain itu aktiviti budaya yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum tentunya dapat menyumbang kepada pembinaan bangsa tersebut. Dengan demikian, aktiviti budaya, perkahwinan campur di antara kaum dan wilayah dapat mempercepatkan proses persefahaman dan pembentukan nilai-nilai keluarga dan negara-bangsa yang positif. Ia juga boleh disokong dengan pembangunan ekonomi yang bersepadu dan adil bagi setiap bangsa dan wilayah (Mohd.Johariet.al,1997: 67).

Rustam A. Sani (1993: 26) dengan jelas mengatakan bahawa unsur-unsur penting dalam pembentukan bangsa Malaysia merupakan ciri-ciri kebumiputeraan, peranan bahasa Melayu dan unsur budaya. Tambahnya, unsur budaya perlulah mempunyai satu titik rujukan yang menjadi ciri penentu keperibadiannya, yang membezakannya daripada bangsa-bangsa lain dan dengan itu menjadi daya penyatu didalam negara-bangsa Malaysia. Bagi mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu daripada pelbagai keturunan, agama, kebudayaan dan wilayah satu bahasa kebangsaan amatlah diperlukan. Bahasa kebangsaan telah diwujudkan dengan panggilan bahasa Malaysia. Maka pernyataan daripada Mohd Johari Hj Yaakub turut dinyatakan oleh Rustam A. Sani. Isu-isu mengenai bahasa kebangsaan ini merupakan faktor yang dianggap penting oleh pengkaji-pengkaji lepas mengenai pembinaan negara-bangsa Malaysia. Beliau turut mengatakan bahawa Bahasa Malaysia sebenarnya merupakan unsur dominan yang boleh menyatu padukan semua kaum dan bangsa di Malaysia (Rustam A. Sani, 1993: 81).

Ahmad Fauzi Basri (1997) juga bersetuju bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah satu pilihan bijak dan mampu serta terbukti menjadi alat perpaduan. Oleh itu jelaslah bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa sepunya ini merupakan satu unsur utama dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia. Penggunaan dan penguasaan bahasa Malaysia secara meluas akan berperanan sebagai wahana pembentukan identiti kebangsaan. Satu unsur dominan dalam menegakkan negara-bangsa yang dicita-citakan adalah peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan ini tidak harus sekadar bersifat simbolis dan pentadbiran tetapi seharusnya berperanan sebagai bahasa perantaraan dalam segala aspek dan peringkat kehidupan sosial dan kehidupan berbangsa di negara ini (Rustam Sani, 1993: 81). Beliau juga turut menambah:

‘...apabila berbicara tentang pembentukan bangsa, maka secara langsung kita juga berbicara tentang kebudayaan kebangsaan. Sebagai satu bangsa yang tulen, bangsa Malaysia perlulah mempunyai satu titik rujukan yang menjadi ciri penentu keperibadiannya, yang membezakannya daripada bangsa-bangsa lain di dunia dan dengan itu menjadi daya menyatukan para warganya dalam lingkungan kesedaran sebagai anggota kelompok politik yang disebut negara bangsa. Namun demikian, sifat tersendiri keperibadian bangsa yang bersifat simbolis itu tidaklah pula seharusnya menjadi unsur yang memisahkannya dari komuniti dunia dan menjebaknya ke dalam masa lampainya sendiri yang beku tidak berubah. Kebudayaan kebangsaan harus dapat memberikan bangsa itu keperibadiannya yang tersendiri dan sekaligus pula memungkinkannya berdiri dan berkembang sebagai sebuah bangsa moden yang mampu menuntut tempatnya yang sah dalam kalangan bangsa-bangsa lain di dunia kini dan masa depan...’ (Rustam A. Sani, 1993: 27).

Namun, faktor penghalang terhadap pembentukan bangsa Malaysia ini juga banyak. Dari aspek bahasa Rustam A. Sani (1993) telah mengkritik supaya Bahasa Malaysia yang pada hemat beliau hanya dijadikan sebuah bahasa kebangsaan yang moden yakni bahasa yang mencirikan segala aspek kehidupan bernegara dan bahasa yang mentakrifkan keperibadian sebagai sebuah negara bangsa. Oleh yang demikian menurut beliau, bahasa itu tidaklah berkembang menjadi sesuatu yang lebih daripada ‘bahasa rasmi’ semata-mata dimana hanya satu bahasa yang digunakan semata-mata untuk memenuhi keperluan kepada situasi rasmi (Rustam A. Sani, 1997: 81).

## **Kesimpulan**

Rustam A. Sani melalui penulisan dan aktiviti intelektualnya menyumbang kepada perbincangan yang sihat berkaitan pembentukan bangsa Malaysia. Beliau menyatakan Malaysia sesungguhnya merupakan *a nation without nationalism*. Ini bermakna Malaysia sebenarnya masih belum berjaya merealisasikan sebuah bangsa yang mempunyai ideologi yang unggul. Dalam erti kata mudah, proses mewujudkan semangat kenegaraan atau perasaan kekitaan dalam kalangan semua penduduk Malaysia masih belum sempurna sepenuhnya. Pada pengamatan pengkaji, jika proses ini mencapai satu tahap yang tinggi barulah terwujudnya nasionalisme Malaysia yang sejati. Sekaligus matlamat membina negara-bangsa itu pastinya tercapai.

Namun, tahap pencapaian Malaysia pada masa kini untuk menjadi negara-bangsa sebenarnya adalah dalam keadaan yang baik. Perubahan cara hidup antara kaum kian nyata dan lebih baik jika dibandingkan sebelum 13hb Mei 1969. Jika kaum muda tidak diracuni dengan unsur-unsur perkauman, sebaliknya diyakini tentang nilai bersama yang dapat memupuk perpaduan, proses pembinaan negara-bangsa Malaysia akan lebih segera terlaksana. Oleh yang demikian, untuk membina negara-bangsa Malaysia yang unggul, strategi pembangunan negara yang difokuskan kepada pembangunan manusia yang bersepadu, iaitu menggabungkan pembinaan potensi, spiritual, intelektual dan jasmani di samping pembangunan ekonomi dan kebendaan dilihat perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Dengan itu negara akan mencapai tahap kemajuan yang berperadaban tinggi dan pembinaan negara-bangsa yang bersepadu berlandaskan acuannya yang tersendiri akan terlaksana.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Rahman Haji Embong. (1995). *Negara-Bangsa*. *Jurnal Pemikir*. Kuala Lumpur: Utusan Karya.
- Abdul Rahman Haji Embong. (2000). *Negara-Bangsa proses dan perbincangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Abdul Rahman Embong. (2008). Perginya seorang pemikir, sarjana dan intelektual awam Malaysia. *Akademika*, 73: 145-146.
- Abu Hassan Adam. (1992). *Menghala Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn Berhad.
- Abu Hassan Othman. (1997). "Tranformasi masyarakat dalam konteks pembinaan Negara-bangsa Malaysia". Dalam M. Yaakob Johari.(ed). *Agenda pembinaan Negara Bangsa Malaysia dalam era kebangkitan Asia*. Kota Kinabalu, Sabah: Institusi Kajian pembangunan.
- Ahmad Boestamam. (2004). *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan darah dalam api*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Kebangsaan.
- Ahmad Fauzi Basri. (1997). "Pembinaan Negara-bangsa Malaysia dan Pencapaian Kini". Dalam M. Yaakob Johari.(ed). *Agenda pembinaan Negara-Bangsa Malaysia dalam era kebangkitan Asia*. Kota Kinabalu, Sabah: Institut Kajian Pembangunan.
- Ali Shariati. (1993). *Ideologi kaum intelektual, suatu wawasan Islam*. Penerbit Mizan:Bandung, Indonesia.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. (1997). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari. (2012). Siapakah dan apakah peranan intelektual? <http://www.sukarelawanmalaysia.com/v1/> [Diakses pada 3 Mac 2013].
- Azhar Ibrahim Alwee. (2008). Pemikir yang membantah kedangkalan idea. *Berita Harian*, 8 Mei.
- Azmi Wan Hamzah. (1993). *Melayu baru: Simposium Melayu baru 25-26 September 1993*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher.
- Baharuddin Zainal. (1981). *Wajah: Biografi seratus penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firdaus Haji Abdullah. (1985). *Radical Malay politics. Its origins and early development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Firdaus Haji Abdullah. (1993). *Melayu baru: Simposium Melayu baru 25-26 September 1993*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher.
- Gabriel A. Almond dan Sidney Verba (1963). *The civic culture: Political attitudes and democracy in Five nations*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ghazali Shafie. (2001). *Tamadun Melayu menyongsong abad kedua puluh satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Helmi Hanafi. (2008). Rustam Abdullah Sani. <http://www.malaysia-today.net> [Diakses pada 10 April 2013].
- <http://tentang-rustam.blogspot.com/> [Diakses pada 26 April 2013].
- <http://www.marga-rasani.blogspot.com/> [Diakses pada 26 April 2013].
- <http://ulasbuku.blogspot.com/2008/04/rustam-sani-anak-ahmad-boestamam.html> [Diakses pada 26 April 2013].
- Institut Tadbiran Awam. (1980). *Negara kita: Sejarah, pentadbiran dan dasar-dasar pembangunan*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ismail Hussein. (1991). *Wawasan 2020 dan pembinaan bangsa Malaysia*. Bangi: Jabatan Antropologi & Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ismail Yusof. (2009). *Pemikiran dan perjuangan Islam dan politik Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat 1964 – 2004*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- J. Dewey. (1917). *The need for social psychology, psychological review*. Chicago: University of Chicago Press.
- Jomo K.S. (2008). Obituary: Rustam A. Sani. <http://www.mysinchew.com/node/10404> [Diakses pada 14 April 2013].
- Lukman Taib. (1999). *Pemikiran politik Islam*. Bangi: Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Haji Yahaya. (2001). *Islam di Alam Melayu*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- M. Bakri Musa. (2006). Rustam Sani's Vox Populi. <http://www.bakrimusa.com/archives/2006/09>. [Diakses pada 10 April 2013].
- M. Bakri Musa. (2008). Rustam Sani – Patriot and Intellectual (1944-2008). <http://www.bakrimusa.com/archives/rustam-sani-patriot-and-intellectual-1944-2008>. [Diakses pada 10 April 2013].
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan pendidikan Sejarah dan dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT*, (36).
- Mohammad Sulaiman Zahlan. (2012). *Islam dan komunikasi*. Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) Universiti Teknologi Mara Melaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (2010). *Sejarah intelektual konsep dan skop*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Hj. Daud. (2004). *Tamadun Islam edisi Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- N.J Funston. (1973). *Malay politics in Malaysia, 1945-1969*. Tesis M.A Monash University.
- Raja Ahmad Aminullah. (2011). *Minda tertawan: Intelektual, Raunsyanfikir dan kuasa*. Petaling Jaya: SIRD.
- Raja Ariffin Raja Sulaiman. (1990). *Dewan Budaya*, Februari.
- Rajini Ramlan. (1986). *Negara-Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Masyarakat.
- Ramlah Adam. (1994). *Ahmad Boestamam: Satu biografi politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1961). *Shoji*. Kuala Lumpur: Oxford university Press.
- Rustam A. Sani. (1967). *Gaspar Ruiz*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Rustam A. Sani. (1967). *Istana impian*. Kuala Lumpur: Oxford university Press.
- Rustam A. Sani. (1967). *Ikhtisar sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Oxford university Press.
- Rustam A. Sani. (1970). *Sastera baru Indonesia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rustam A. Sani. (1975). *The origins of the Malay Left: An analysis of the social roots*. MA Thesis, University of Kent at Canterbury.
- Rustam A. Sani. (1977). *Riak-riak kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1980). *Pembentukan elit politik Melayu* (Kertas Kerja Untuk Persidangan Pelajar pelajar Malaysia Amerika Utara), SUNY Binghampton, 18 Disember.
- Rustam A. Sani. (1981) *Tinta pena*. Kuala Lumpur: PENA.
- Rustam A. Sani. (1981). *Puisi-puisi nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1983). *Lagu kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1981). Kepimpinan dalam perkembangan politik Melayu awal: Aspek sosial. Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (ed.). *Isu-isu ekonomi, sosial dan politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1983). *Robohan Nasionalisme Melayu: Asas sosial bagi terbentuknya ideologi perpaduan nasional dalam ilmu masyarakat*. No.4, Oktober-Disember.
- Rustam A. Sani. (1984). *Bintang Mengerdip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1988). *Kumpulan puisi Malaysia 1975-1985*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1988). *Puisi baharu Melayu 1961-1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1990). Tradisi intelektual Melayu dan pembentukan bangsa Malaysia. Dalam Ahmat Adam, et. al (eds.) *Intelektualisme Melayu: Satu polemik*. Bangi: UKM
- Rustam A. Sani. (1991). *Malaysia dalam puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1992). *Antropologi sosiologi di Indonesia dan Malaysia: Teori, pengembangan dan penerapan*. Kuala Lumpur: ISIS Malaysia.
- Rustam A. Sani. (1992). *Melayu Baru: Beberapa persoalan Sosio-Budaya*. ISIS Malaysia, Kuala Lumpur: ISIS
- Rustam A. Sani. (1992). Ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia. Dalam Hairany Naffis (ed.). *Politik Malaysia dekad 1990-an*. Bangi: UKM.

- Rustam A. Sani. (1993). *Suara rasa*. Kuala Lumpur: Maybank.
- Rustam A. Sani. (1993). *Politik dan polemik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. (1993). *Melayu baru dan bangsa Malaysia: Tradisi cendekia dan krisis budaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rustam A. Sani. (2004). *Ke mana nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.
- Rustam A. Sani. (2004). *Menjelang Reformasi*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.
- Rustam A. Sani. (2006). *Bercanda dengan Mahathir*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.
- Rustam A. Sani. (2008). *Failed nation? Concerns of a Malaysian nationalist*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research. Development Centre.
- Rustam A. Sani. (2009). *Ketemu di alur zaman*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn Bhd.
- Rustam A. Sani. <http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=927&IID>. [Diakses pada 10 April 2013].
- Syed Husin Ali. (2008). Mengenang Rustam A Sani. <http://ummahonline.wordpress.com/2008/04/29/mengenang-rustam-a-sani/>. [Diakses pada 10 April 2013].
- Subagio Sastrowardjo. (1971). *Bakat alam dan intelektualisme: Kupasan dan tanggapan Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Syed Hussein Alatas. (1991). *Intelektual masyarakat membangun*. Kuala Lumpur: Percetakan Saufi.
- Usman Awang. (1987). *Peranan intelektual*. Petaling Jaya: INSAN.
- Zabidin Haji Ismail. (2010). *Pemikiran politik dalam novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zakry Abadi. (1993). *Melayu baru mengisi wawasan Perdana Menteri*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher.
- Zikri Rahman. (2012). Mahasiswa dan budaya intelektual. <http://roketkini.com/2012/10/04/mahasiswa-dan-budaya-intelektual-oleh-zikri-rahman/> [Diakses pada 26 April 2013].